


Penggunaan bayang-bayang daripada patung yang terdiri daripada pelbagai watak sudah berupaya untuk membuatkan seseorang itu ketawa, marah, atau sedih apabila menontonnya. Penggunaan pelbagai bentuk suara bagi sesuatu watak berjaya mengikat mata dan hati penonton yang menonton persembahannya. Itulah keajaiban tayangan "filem pendek" yang tidak pernah ditenggelami arus kemodenan. Filem pendek yang dimaksudkan itu ialah wayang kulit.

Wayang kulit merupakan sejenis teater tradisional yang amat popular dalam kalangan masyarakat kita, terutama di pantai Timur Semenanjung Malaysia. Permainan wayang kulit, pada awalnya, dipersembahkan sebagai hiburan, terutama di istana. Namun demikian, lama-kelamaan wayang kulit mula dimainkan

ketika merayakan pesta dan keramaian sosial, seperti selepas kegiatan menuai padi, majlis perkahwinan, dan berkhata di kawasan kampung.

Kesenian wayang kulit di Nusantara ini mempunyai perkongsian elemen yang tidak jauh perbezaannya. Wayang kulit di Malaysia dan Indonesia bersumberkan penceritaan daripada epik Hindu Ramayana dan Mahabrata. Di Malaysia, terdapat beberapa jenis wayang kulit, iaitu wayang Gedek, wayang Kelantan, wayang Purwa dan wayang Melayu. Indonesia pula cukup terkenal dengan wayang Jawa, wayang Bali dan wayang Lombok.

Sejak dahulu, masyarakat Nusantara mempunyai pandangan yang tersendiri tentang alam semula jadi dan alam roh. Oleh itu, kesenian wayang kulit ini



bukan sahaja sebagai hiburan semata-mata, tetapi sebagai tontonan atau nasihat kepada masyarakat melalui simbol tertentu, khususnya dalam proses persembahan wayang kulit daripada awal pembikinan sehingga selesai persembahan.

Kerana menyedari hal ini, Jabatan Muzium Malaysia menganjurkan pameran khas koleksi wayang kulit yang menenterangkan koleksi wayang kulit Nusantara, khususnya dari Malaysia dan Indonesia, dalam usaha melestarikan identiti bangsa yang semakin dilupakan. Pameran Wayang Kulit Nusantara: Simbolisme di Sebalik Layar memberikan tumpuan kepada pendedahan mengenai watak dan

simbol yang terdapat dalam persembahan wayang kulit.

Pameran ini, secara amnya, mempamerkan koleksi wayang Kelantan, wayang Gedek, wayang Purwa, dan beberapa koleksi daripada tokoh terkenal dalam dunia wayang kulit, seperti Dollah Baju Merah, dan



koleksi Adi Guru Wayang Kulit Pak Nasir. Wayang kulit, pada dasarnya, merupakan medium perhubungan kepada masyarakat dan ada juga dikaitkan dengan unsur ritual dalam sesuatu komuniti. Aliran cerita, bentuk patung, dan watak dalam persembahan wayang kulit sering kali melibatkan unsur tempatan dari segi bahasa dan peristiwa yang digambarkan.

Penggunaan lambang tertentu dalam persembahan wayang kulit mempunyai maksud yang mendalam dan memerlukan pemahaman yang terperinci. Persembahannya biasanya terdiri daripada panggung, tuk dalang, patung wayang kulit, cerita, pemuzik dan muzik. Pelbagai elemen yang mewarnai

SIMBOLISME DI SEBALIK

Layar Putih



34

Dewan Budaya | BIL. 2 2017

35


Dewan Budaya | BIL. 2 2017



ctr. no. 0000275393
ART 2017/A03.

Arts & literature - Performance
Arts

Pg 34-37



persembahan wayang kulit menjadi simbol kepada dunia manusia dan alam ghaib. Panggung atau bangsal, misalnya, merupakan lambang kepada alam semesta, manakala layar pula menggambarkan dunia yang didiami oleh manusia. Yang dapat dikatakan ialah bahawa setiap alat yang digunakan dalam wayang kulit mempunyai gambaran yang tersendiri, mewakili pelbagai elemen, termasuklah air, tanah, api dan angin.

Masyarakat tradisional di Nusantara pada zaman dahulu mempercayai bahawa tuk dalang merupakan simbol kepada imej "tuhan" yang menggerakkan watak wayang kulit melalui cerita. Muzik yang dimainkan mempunyai simbol yang tersendiri di sebaliknya. Terdapat perbezaan yang ketara antara lagu yang dimainkan oleh para pemuzik bagi membezakan watak protagonis daripada watak antagonis.

Secara realitinya, wayang kulit, khususnya di Nusantara, amat kaya dengan simbol yang mempunyai maksud tersirat. Walaupun kewujudannya sudah berabad-abad lamanya, nilai murni yang terkandung dalam persembahan wayang kulit masih segar untuk tontonan masyarakat pada masa ini.

Pameran ini, pada dasarnya, terbahagi kepada tujuh bahagian, iaitu pengenalan, simbolisme watak, ruang pembuatan patung wayang kulit, pameran ritual dan

persembahan, proses konservasi, ruang penerokaan dan evolusi. Yang dapat dikatakan ialah bahawa pengunjung pameran ini pastinya memperoleh maklumat yang lengkap dan berupaya membuat persembahan wayang kulit secara kecil-kecilan di kawasan kejiranan mereka.

Dalam dunia persembahan wayang kulit, terdapat pelbagai bentuk patung dengan gaya dan rupa yang berbeza. Kepelbagaian bentuk patung ini bukan sahaja melambangkan perwatakan tempatan, bahkan mempunyai pengaruh pembentukan identiti patung itu sendiri. Bentuk patung wayang kulit Jawa, misalnya, mempunyai banyak sendi yang dapat digerakkan, manakala wayang kulit Kelantan pula hanya mempunyai satu sendi.

Watak merupakan elemen penting bagi menghidupkan penceritaan dan membolehkan tuk dalang berinteraksi secara langsung dengan penonton di sebalik layar. Dalam setiap watak, sama ada wayang kulit Malaysia ataupun Indonesia, setiap penciptaannya mempunyai simbolik yang tersendiri bagi menggambarkan identiti watak tersebut.

Watak dibahagikan mengikut karakter dan rupa bentuk patung, sama ada watak protagonis, antagonis ataupun pengasuh. Pada kebiasaannya, watak protagonis dikaitkan dengan golongan atasan, iaitu pemerintah, mempunyai

postur tubuh yang tinggi, dan gagah perkasa. Bagi watak antagonis, karakternya bertubuh gempal, tinggi dan besar. Watak pengasuh pula mempunyai bentuk yang tidak sempurna atau digambarkan dengan ciri humor, seperti bertubuh pendek dan berkepala botak.

Dalam persembahan wayang kulit Kelantan, khususnya, terdapat empat watak utama yang menjadi tunjang pada setiap persembahannya. Serimas Raja Rawana merupakan watak antagonis yang begitu tamak dan jahat. Watak ini sering diketengahkan supaya masyarakat mendapat pengajaran agar tidak mengambil hak orang lain dan bersifat iri hati. Raja Seri Rama pula memberikan gambaran raja yang berpengaruh. Simbolik watak ini merujuk pemimpin agar bersikap adil dalam segala hal, terutama ketika membuat keputusan.

Watak Siti Dewi merupakan gambaran kelembutan wanita dan menjadi simbol ketaatan. Watak Hanuman Kera Putih pula memberikan pengajaran agar sering merendah diri dan tidak bongkak atas kelebihan yang dimiliki. Keempat-empat watak ini dihasilkan bagi memberikan gambaran kepada sifat manusia agar kita sedar dan berubah kepada yang lebih baik.

Dalam pameran ini, pengunjung berpeluang menghasilkan patung wayang kulit dengan tangan sendiri, menggunakan kertas dan pensel warna. Mereka juga dapat melakonkan watak yang dibuat pada kain wayang yang disediakan.

Melalui pameran ini juga, pengunjung berpeluang melihat patung dengan lebih dekat dan mengenali watak dengan lebih terperinci. Antara koleksi yang

dipamerkan termasuklah watak Lima Bersaudara, Bota Mah Rajawana, Sembah Guru dan Raksasa. Pengunjung pastinya terkesima melihat seni ukir dan corak warna setiap patung tersebut yang seakan-akan "hidup" dan "bernyawa".

Patung wayang kulit begitu penting dalam persembahan. Tiada watak yang dapat ditunjukkan tanpa patung ini walaupun wujudnya tuk dalang dan segala kelengkapan lain. Patung wayang kulit, pada mulanya, diukir seperti pada zaman Hindu. Namun demikian, selepas kedatangan Islam, patung ini direka dan dibentuk bercirikan keislaman, kesan daripada asimilasi agama Islam. Ciri keislaman dapat dilihat pada bentuk wayang yang lebih diberi warna putih dan patungnya lebih menutup "aurat". Perubahan patung wayang kulit ini lebih ketara pada zaman penjajah apabila watak sampingan, seperti orang luar dan raksasa, ditambah.

Sememangnya pembuatan patung wayang kulit memerlukan ketelitian dan kemahiran yang tinggi dalam seni ukiran. Pada kebiasaannya, patung ini diperbuat daripada kulit lembu betina. Hal ini dikatakan demikian kerana kulitnya lebih besar dan lembut berbanding dengan kulit lembu jantan. Selain kulit lembu, terdapat juga patung yang dihasilkan daripada kulit kambing. Yang menariknya, hayat patung wayang kulit ini boleh mencecah sehingga 100 tahun. Hal ini bergantung pada teknik penjagaan dan tempat penyimpanan yang betul, serta rawatan yang baik.

Artifak wayang kulit dapat dikategorikan sebagai bahan organik kerana diperbuat daripada bahan semula jadi. Oleh hal yang demikian, sudah tentu artifak tersebut mudah rosak, seperti mengelupas, mereput dan meluntur. Dengan bantuan kemajuan teknologi yang ada, pelbagai kaedah kerja konservasi diperkenalkan bagi memelihara patung ini. Artifak ini perlu melalui proses penilaian kondisi dengan mengambil gambar dan mendokumentasikannya lebih dahulu. Kemudian proses pembersihan dengan menggunakan bahan tertentu dilakukan, seperti cecair yang dikenali sebagai *leather revive* dan *leather binder*. Setelah itu, barulah patung ini beralih kepada proses kemas terakhir dengan menyapukan cecair *leather cream protection* pada patung sebagai bahan pelindung.

Yang menariknya tentang pameran ini, koleksi terpilih daripada Fusion Wayang Kulit, iaitu patung wayang kulit berbentuk adi wira terkenal, turut dipamerkan. Antara koleksi patung tersebut termasuklah watak adi wira Superman, Batman dan Star Wars. Evolusi yang berlaku dalam kesenian wayang kulit ini bertujuan menambat hati generasi muda, sekali gus memastikan kelangsungan hayat seni ini. Selain evolusi patung, persembahan wayang kulit turut berubah ke arah baharu, iaitu menerusi dunia animasi.

Pameran Wayang Kulit Nusantara: Simbolisme di Sebalik Layar ini berlangsung di Muzium Negara dari 15 November 2016 hingga 28 Februari 2017. Pameran yang memaparkan lebih daripada 50 koleksi terpilih ini dirasmikan oleh Dato' Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, pada 20 Disember 2016. ⁰⁸

